



Program Pembiayaan Mudah Tanam Semula (TSPKS) dan Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS)

TSPKS dan IPPKS merupakan dua (2) jenis skim pembiayaan mudah untuk pekebun kecil persendirian dalam membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil melaksanakan aktiviti penaman semula sawit bagi meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS) serta pendapatan pekebun kecil sawit dan negara.



#SawitAnugerahTuhan

Kelebihan Pembiayaan

- Kadar keuntungan pembiayaan serendah 2% setahun dikira berdasarkan baki bulanan.
- Jumlah maksimum pembiayaan* sehingga RM91,000 dan RM16,250 masing-masing untuk TSPKS dan IPPKS.
- Tempoh pembiayaan yang panjang iaitu maksimum 12 tahun (bagi TSPKS) dan 2 tahun (bagi IPPKS).
- Bayaran ansuran bagi skim TSPKS hanya bermula pada bulan ke-49 (usia sawit 5 tahun).
- Had keluasan untuk pembiayaan sehingga maksimum 6.5 hektar.

Syarat Kelayakan

- Terbuka kepada pekebun kecil persendirian warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan yang memiliki tanah tidak melebihi 40.46 hektar serta memiliki lesen Malaysian Palm Oil Board (MPOB) bagi aktiviti menjual dan mengalih buah tandan segar (BTS).
- Syarat tanah adalah pertanian dan tiada sekatan untuk tanaman sawit.
- Bagi permohonan TSPKS, usia minimum pokok kelapa sawit 25 tahun dan tidak lagi produktif.
- Bagi permohonan IPPKS, usia minimum pokok kelapa sawit 4 tahun dan maksimum 22 tahun.

Dokumen dan Cara Permohonan

- Pemohon boleh mengemukakan borang permohonan yang telah lengkap di isi beserta dokumen sokongan ke mana-mana cawangan Agrobank atau pejabat MPOB yang berhampiran.
- Borang permohonan beserta senarai dokumen sokongan boleh diperolehi di www.agrobank.com.my atau www.mpojb.gov.my

*Jumlah pembiayaan tertakluk kepada luas usaha kawasan serta tujuan pembiayaan.